



## BILANGAN 27 KURANG KEYAKINAN



### Petikan 1

Sebelum menyertai program ini, saya kurang keyakinan diri dan sering gagal dalam peperiksaan.



### Petikan 2

..... beberapa babak siri pertama itu telah menimbulkan rasa kurang senang termasuk penggunaan bahasa Melayu.....

Selain bermaksud belum cukup, dan sebagainya, perkataan 'kurang' juga dianggap kata penguat yang biasanya digunakan untuk menyatakan darjah bandingan. Sekadar contoh:

- 1) Puteri Bongsu **kurang jelita** daripada puteri sulung.
- 2) Kami tewas kerana kami **kurang cekap** daripada pasukan lawan.
- 3) Pekerja **kurang mahir** diminta agar menimba pengalaman daripada pekerja mahir.

'Kurang' juga boleh digunakan untuk menyatakan darjah biasa.

- 4) Pelajar-pelajar yang **kurang kemas** telah ditegur pengetua.
- 5) Pengadil yang **kurang cekap** itu tidak diundang dalam kejohanan bola sepak Asean.
- 6) Acara dalam majlis itu dikatakan **kurang istimewa**.

Sekiranya 'kurang' itu hendak digunakan sebagai kata penguat, maka perkataan yang sering mengikutinya hendaklah kata adjektif. Ayat petikan 1 yang tertera di sebelah kiri anda ini boleh dikatakan tidak baku kerana kekata 'keyakinan' itu bukan kata adjektif.

Jadi, ayat yang benar ialah:

Sebelum menyertai program ini, saya **kurang yakin** dan sering gagal dalam peperiksaan.

Lihat penggunaan kekata '**kurang**' dalam petikan kedua. Apakah pandangan anda?